

**Peruntukan RM1 Juta Daripada Kerajaan Pusat Selesai Masalah Masjid
Terbengkalai
Bernama
23 Ogos, 2011**

KULIM, 23 Ogos (Bernama) -- Setelah dua tahun terbengkalai, pembinaan masjid Taman Kenari di sini akhirnya dapat diteruskan setelah mendapat dana bantuan RM1 juta daripada kerajaan pusat melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan pada Selasa.

Setiausaha Jawatankuasa Kariah masjid itu, Harun Yaakob memberitahu pembinaan masjid bernilai RM3.2 juta itu telah dimulakan sejak 2009 melalui dana daripada hasil kutipan serta sumbangan masyarakat tempatan dan luar.

"Tetapi setelah kerja-kerja pembinaan dijalankan pada tahap 70 peratus, pihak jawatankuasa mengalami masalah kekurangan dana dan kerja-kerja pembinaan terpaksa dihentikan.

"Namun dengan peruntukan daripada kerajaan pusat, pembinaan masjid untuk lebih 10,000 penduduk boleh diteruskan dan dijangka siap sepenuhnya hujung tahun ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Harun, masjid berkenaan mampu menampung lebih 3,000 jemaah dalam satu masa dan bakal menjadi masjid terbesar di daerah ini kelak.

Cek sumbangan disampaikan oleh Penyelaras kawasan Parlimen Kulim/Bandar Baharu, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir kepada Pengerusi Jawatankuasa Kariah yang juga imam masjid, Abdul Halim Hamzah dalam satu majlis di tapak masjid itu di sini hari ini.

Orang ramai yang turut berhasrat menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian dengan memasukkan derma ke Akaun Bank Islam bernombor 2057010019390.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=609917>